

MALAYSIA - CAPAI KATA

SINGAPURA SEPAKAT

Oleh Khalid Mohd.

SINGAPURA 26 Jan. — Malaysia dan Singapura telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan isu tuntutan republik itu ke atas Pulau Batu Putih mengikut kesahihan bukti (*legality*) dan bukan berasaskan kepada faktor sejarah.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak boleh berpegang kepada faktor sejarah dalam soal tuntutan wilayah kerana pendirian seperti ini akan mencetuskan masalah dengan semua orang.

Sambil berseloroh, beliau berkata: "Bagi saya adalah lebih baik kita berpegang pada *legality*, kalau tidak kita kenalah tuntutan Singapura pula kerana ia milik kita dari segi sejarah."

Persefahaman

Persetujuan tentang cara menyelesaikan tuntutan Singapura ke atas pulau tersebut dicapai dalam perbincangan dua hala antara Dato' Sri Dr. Mahathir dengan rakan sejawatannya, Encik Goh Chok Tong petang semalam.

Para pemerhati melihat persetujuan mereka menjelang Sidang Kemuncak esok sebagai bukti persefahaman dan sikap tolak ansur yang menjadi asas keteguhan ASEAN selama ini.

Dalam pertemuan dengan para wartawan Malaysia hari ini di Hotel Pan Pacific di mana beliau menginap, Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, Jabatan Peguam Negara kedua-dua negara akan merundingkan perkara ini berasaskan dokumen-dokumen yang menunjukkan siapa sebenarnya yang memiliki Pulau Batu Putih.

MALAYSIA-SINGAPURA CAPAI KATA SEPAKAT

27 JAN 1992
Kata Perdana Menteri: "Kita harus ingat Singapura bukan milik kita lagi kerana kita yang bersetuju untuk melepaskan wilayah kita. Jadi kita kenalah berpegang pada *legal status* (kedudukannya dari segi undang-undang)."

Pulau Batu Putih dipanggil *Pedra Branca* oleh pihak Singapura. Ia hanyalah pulau kecil yang terletak 15km dari Pengerang, Johor. Di atasnya cuma terdapat sebuah rumah api (*Horsburgh Lighthouse*) yang dibina oleh British dulu. Pihak Singapura kini sudah membina satu stesen radar di atas pulau itu untuk membantu dan mengarah pelayaran kapal.

Menjawab pertanyaan tentang terdapat dokumen sejarah yang menunjukkan Pulau Batu Putih adalah milik Malaysia, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata: "Kita akan kaji semua itu, tapi kita kena ingat bahawa Singapura dari segi sejarah adalah milik kita dan terdapat wilayah-wilayah lain yang juga milik kita

dari segi sejarah. Kalau kita nak tuntutan berasaskan faktor sejarah saja, kita boleh tuntutan semuanya."

Jika pendirian seperti ini diambil, tegasnya, Malaysia akan mempunyai masalah dengan semua orang (jiran-jirannya).

"Bagaimana pula jika orang lain menuntut wilayah yang jelas sudah menjadi milik kita seperti Kedah misalnya, dengan mengasaskan tuntutan itu pada faktor sejarah," Perdana Menteri bertanya.

Sebab itulah, katanya, Malaysia mengambil keputusan menggunakan cara *legality* dan tidak alasan sejarah untuk menyelesaikan tuntutan Singapura ke atas Pulau Batu Putih.

Di samping Pulau Batu Putih, ujar Perdana Menteri, Malaysia juga menghadapi tuntutan ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Layang-Layang.

"Dalam menghadapi tuntutan-tuntutan ini, kita cuma boleh berpegang pada satu asas saja.

"Kita tidak boleh berpegang kepada alasan sejarah dan kemudian bertukar pendirian dengan berpegang kepada *legality* pula bila *legality* lebih baik untuk kita," katanya.

Dalam hubungan ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia hendak lihat bukti-bukti daripada Singapura yang boleh menunjukkan bahawa Pulau Batu Putih adalah miliknya dan Malaysia juga perlu menunjukkan bukti kepada Singapura bahawa pulau itu miliknya.

Bila kedua-dua negara sudah bersetuju tentang cara yang hendak digunakan bagi menyelesaikan masalah tuntutan ini, maka rundingan akan menjadi lebih mudah, ujar beliau.

Ditanya tentang laporan bahawa nelayan-nelayan Malaysia sering dihalang untuk menangkap ikan di sekitar pulau tersebut, Perdana Menteri berkata, polis telahpun menyiasat laporan itu dan mendapati ia tidak benar.